
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

PMT 211 - Reka Bentuk Komunikasi Visual I

Masa : 2 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

ARAHAN

Jawab **SEMUA** soalan dalam **BAHAGIAN A** dan **SATU (1)** soalan sahaja dalam **BAHAGIAN B**.

Anda **TIDAK DIBENARKAN** membawa kertas soalan ini keluar dari Dewan Peperiksaan.

BAHAGIAN A
(70 markah)

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Bincangkan Model Komunikasi Schramm serta setiap komponen yang terlibat. Jelaskan juga bagaimana komponen dalam model ini berperanan bagi meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan anda mesti disertakan dengan gambar rajah model tersebut.
(20 markah)

2. a) Nyatakan definisi Literasi Visual (5 markah)
b) Bincangkan **LIMA (5)** fungsi visual dalam pendidikan. Sertakan **SATU (1)** contoh bagi **setiap** fungsi yang anda nyatakan.
(15 markah)

3. Huraikan **LIMA (5)** elemen asas komunikasi visual. Sertakan gambar rajah yang bersesuaian bagi **setiap** elemen yang anda nyatakan.
(15 markah)

4. Bincangkan **LIMA (5)** prinsip asas reka bentuk visual. Sertakan contoh yang bersesuaian bagi **setiap** prinsip yang anda nyatakan.
(15 markah)

BAHAGIAN B
(30 markah)

Jawab **SATU (1)** soalan sahaja.

5. a) Terdapat lima atribut warna iaitu *hue*, *saturation*, kejelasan (*brightness*), warna panas/sejuk (*warmth/coolness*) dan hubungan kontekstual. Bincangkan **setiap** atribut berkenaan
(15 markah)
- b) Bincangkan **LIMA (5)** jenis *shot* kamera dalam fotografi. Sertakan satu contoh bagi setiap jenis *shot*.
(15 markah)
6. a) Nyatakan **LIMA(5)** *genre* televisyen dengan menyertakan **satu** contoh bagi setiap satu.
(10 markah)
- b) Bincangkan **TIGA (3)** peranan TV Pendidikan dalam membantu proses pengajaran dan pembelajaran. Perbincangan anda mesti mencakupi contoh-contoh program TV Pendidikan yang bersesuaian.
(20 markah)
7. a) Nyatakan **LIMA (5)** teknik humor visual melalui kartun dengan menyertakan **SATU (1)** contoh bagi **setiap** teknik yang dinamakan.
(15 markah)
- b) Bincangkan **LIMA (5)** kegunaan komik atau kartun. Sertakan **SATU (1)** contoh bagi **setiap** kegunaan yang dinamakan.
(15 markah)